

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.11.2014

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status tuntutan semula pinjaman kewangan yang telah diberikan kepada Syarikat Nasional Feedlot Corporation (NFC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Shah Alam serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat

Pandan yang dijadualkan untuk dijawab pada 24 November 2014 kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman Kerajaan oleh syarikat Nasional Feedlot Corporation (NFCorp) berjumlah RM250 juta ini perlu dibayar balik bermula tahun 2012 sehingga 2028. Sehingga 30 September 2014, bayaran balik yang telah dikutip adalah sebanyak RM34.98 juta bagi ansuran tahun 2012 dan 2013 manakala ansuran tahun 2014 yang telah matang pada 9 Januari 2014 masih belum dijelaskan.

3. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengemukakan Notis Membaiki Kemungkiran kepada NFCorp pada 5 Mei 2014 dengan tempoh yang diberikan selama sembilan puluh (90) hari. Walau bagaimanapun, NFCorp telah gagal untuk meremedi kemungkiran tersebut. Lanjutan daripada itu, Kerajaan telah mengemukakan Notis Pengisyiharan *Event of Default* pada 4 September 2014 untuk penamatkan perjanjian dan seterusnya akan mengambil tindakan undang-undang.